

# Vaksinasi untuk remaja keputusan perlu, relevan

**Pakar minta ibu bapa bendung kerisauan terhadap kesan sampingan**

Oleh Nas Norziela Nasbah  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Peluasan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) untuk remaja berusia 12 hingga 17 tahun diilah sebagai keputusan yang perlu dan relevan dalam keadaan jumlah kes jangkitan dan kematian semakin meningkat di negara ini.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat, berkata keputusan itu relevan memandangkan jumlah kes semasa masih

tidak menunjukkan tanda penurunan, walaupun kadar vaksinasi meningkat.

Namun, katanya, mungkin timbul isu mengenai keimbangan ibu bapa atau penjaga untuk membenarkan anak atau jagaan mereka diberikan vaksin atas kesan sampingan seperti radang jantung seperti yang dilaporkan, walaupun kes sedemikian sangat jarang.

"Kerisauan ibu bapa terhadap kesan sampingan seperti keradangan jantung perlu dibendung memandangkan kebarangkalian ia berlaku kepada remaja sangat jarang," katanya kepada BH.

Beliau menambah, mungkin juga ada ibu bapa masih bimbang dan mereka seharusnya diberi pilihan sama ada membenarkan atau melarang anak divaksinasi.

"Jika memilih tidak membenarkan anak diberi vaksin, ibu bapa bertanggungjawab penuh ke atas sebarang risiko jangkitan."

"PICK untuk remaja ini perlu sekiranya terdapat keperluan un-

tuk membuka sekolah dan peralihan fasa membabitkan pelbagai kelonggaran untuk individu yang divaksinasi sepenuhnya," katanya.

Bagi penjawat awam, Mohd Fadli Ahmad, 43, pemberian vaksin kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun sedikit sebanyak mengurangkan kerisauannya sebagai bapa untuk melihat anak mendapat perlindungan diri melalui vaksin.

"Dalam keadaan sekarang, selain menjaga prosedur operasi standard (SOP), pemberian vaksin kepada golongan ini sekurang-kurangnya mengurangkan rasa gelisah kami sebagai ibu bapa yang perlu keluar bekerja atau membeli barang.

"Apatah lagi apabila mereka mula bersekolah, vaksin ini menjadi pelindung kerana mereka akan bersemuka dengan rakan sekolah dan juga guru."

"Vaksinasi mungkin dapat mengurangkan kebolehjangkitan, apatah lagi kepada mereka yang mempunyai ahli keluarga ra-

mai," katanya.

Ibu kepada dua anak perempuan berusia 15 dan 17 tahun, Azrina Zakaria, 40, berkata kelebihan vaksin kepada golongan itu memberi kelegaan jika dapat diselesaikan sebelum sesi persekolahan dibuka.

"Sebagai ibu, sudah pasti saya berharap vaksin dapat diberikan sekurang-kurangnya satu dos sebelum anak mula bersekolah.

"Namun, proses pemberian vaksin untuk mereka berusia 18 tahun ke atas, termasuk guru juga perlu dipercepat dan diselesaikan terlebih dahulu," katanya.

Beliau juga berharap kerajaan akan mengambil kira kegusaran ibu bapa yang masih tidak tahu status pembukaan sekolah yang dijadualkan pada 1 September ini.

"Jika sekolah kekal dibuka pada 1 September ini dan anak belum mendapat vaksin, sebagai ibu saya masih tidak berani untuk membenarkan mereka ke sekolah," katanya.

Apatah lagi apabila mereka mula bersekolah, vaksin ini menjadi pelindung kerana mereka akan bersemuka dengan rakan sekolah dan juga guru.



Mohd Fadli Ahmad,  
Penjawat awam

Sebagai ibu, sudah pasti saya berharap vaksin dapat diberikan sekurang-kurangnya satu dos sebelum anak mula bersekolah.



Azrina Zakaria